



MAKUM HARGAI PENGLIBATAN PELAJAR IPTA DI DALAM BIDANG KEBUDAYAAN *Anugerah Seni MAKUM 2010*

Oleh: Pn. Mashitoh Abu

28 JANUARI 2011 – Bertempat di Kayangan Ballroom, Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis telah berlangsung sebuah lagi anugerah yang paling berprestij di dalam Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) iaitu Anugerah Seni MAKUM 2010 bagi menghargai para pelajar, staf-staf dan agensi-agensi luar dan dalam yang banyak menyumbang untuk memartabatkan seni dan budaya bangsa. Anugerah yang diadakan secara dwitahunan ini memberi pengiktirafan terhadap hasil seni daripada IPTA sepanjang Tahun 2009 dan 2010.

Anugerah Seni MAKUM 2010 ini dirasmikan oleh Datuk Dr. Faiz bin Hj. Hamid, Pengerusi Sekretariat TTNC/TR HEPA. Beliau amat berbangga dengan pencapaian pelajar-pelajar dan juga MAKUM sendiri di dalam perkembangan kebudayaan di negara ini.

Zulkifli Ibrahim dari UKM berjaya menerima Anugerah Bonang Emas Lelaki iaitu anugerah tertinggi yang mengiktiraf pencapaian pelajar lelaki di dalam bidang kebudayaan manakala Norhaslina Jamil dari UUM bagi kategori wanita berjaya menerima Anugerah Bonang Emas Wanita. Y.Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Bin Hussin, Naib Canselor UniMAP yang merangkap Pengerusi MAKUM bagi Tahun 2009/2010 telah dianugerahkan Anugerah Gendang Sari Utama iaitu anugerah untuk individu yang gigih dalam meningkatkan mutu kecemerlangan MAKUM melalui sumbangan aktif dalam menganjurkan atau menyelaraskan aktiviti MAKUM ke arah memartabatkan Warisan Budaya Bangsa.

Majlis ini juga turut diserikan dengan persembahan tarian dan nyanyian oleh para pelajar daripada UniMAP, UUM dan UPSI dan juga tidak ketinggalan persembahan sajak serta nyanyian oleh pegawai-pegawai MAKUM. Majlis ini juga menyaksikan penyerahan tugas Sekretariat MAKUM sesi 2009/2010 kepada bakal sekretariat baru sesi 2011/2012 iaitu Universiti Malaysia Sarawak.